



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**PEMERIKSAAN SEMULA DAN PENGUJIAN BACAAN KETEPATAN ALAT *FLOW METER*  
SYARIKAT BRUNEI METHANOL COMPANY SDN BHD**

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengendalikan Pemeriksaan Semula dan penelitian bacaan ketepatan ke atas satu (1) unit alat sukatan jenis *flow meter* milik Syarikat Brunei Methanol Company Sdn Bhd (BMC) pada hari Khamis, 20 Jun 2024 yang bertempat di Sungai Liang Industrial Park (SPARK), Kampong Sungai Liang, Daerah Belait.
2. Hasil daripada pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan alat sukatan jenis *flow meter* berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3(1) dan (2).
3. Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang juga adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3(2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah. Hukuman denda sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama 3 bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tersebut itu adalah boleh dirampas dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah.
4. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, pihak syarikat dan orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau melalui talian 233 4092.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Rujukan: (054) KKW/SDT/ENF/04

Tarikh: 26 Zulhijjah 1445 / 02hb Julai 2024



## **PRESS RELEASE**

### **MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

#### **RE-VERIFICATION AND CALIBRATION ACCURACY READING FLOW METER BRUNEI METHANOL COMPANY SDN BHD**

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) under the Ministry of Finance and Economy conducted Re-verification and calibration of accuracy readings of one (1) unit flow meter owned by Brunei Methanol Company Sdn Bhd (BMC) on Thursday, 20<sup>th</sup> June 2024 at Sungai Liang Industrial Park (SPARK), Kampong Sungai Liang, Belait District.
2. During the calibration and verification of the accuracy reading of the flow meter are valid, accurate and registered with SDT Unit in accordance to Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 dan Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2).
3. Traders and users of weight and measures machine are required to comply as stipulated in the Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 under section 3(2); Every person who uses or has in his possession for use of trading of any weight, measure or instrument for weighing not stamped as required by this regulation shall be guilty of an offence. The penalty for such offence is a fine of BND1,000.00 or imprisonment for three (3) months or both. Furthermore, any non-stamped instrument used shall be liable to be forfeited and any contract, bargain, sale or dealing made by such weight, measure or instrument for weighing will be deemed void.
4. For any enquiries, companies and public may contact SDT Unit, MOFE via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn).

**-END-**

Prepared by:

Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),  
Ministry of Finance and Economy.

E-mail: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Reference: (054) KKW/SDT/ENF/04

Date: 26 Zulhijjah 1445 / 02<sup>nd</sup> July 2024

**PEMERIKSAAN SEMULA DAN PENGUJIAN BACAAN KETEPATAN ALAT *FLOW METER*  
SYARIKAT BRUNEI METHANOL COMPANY SDN BHD**

